

30/08/1999

Raikan 2 peristiwa penting: PM

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Ahad - Sambutan kemerdekaan tahun ini, bukan setakat memperingati sejarahnya, tetapi juga meraikan kejayaan keluar dari kegawatan ekonomi yang mencengkam negara sejak dua tahun lalu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia harus bersyukur kerana selepas menderita dua tahun, mereka kini boleh menikmati kehidupan yang lebih gemilang.

"Kita harus bersyukur kerana kita baru pulih dari kegawatan ekonomi. Setahun sebelum ini kita tahu bagaimana susahnya kehidupan.

"Tetapi hari ini, kita bersyukur kerana tidak lagi mengalami kegawatan terutama selepas Bank Negara mengisytiharkan kita sudah pulih daripada kemelesetan.

"Oleh itu, kita harus bersyukur kerana dapat mengatasi tekanan yang teruk. Sebab itu pada tahun ini, kita bukan sahaja meraikan kemerdekaan kita yang ke-42, tetapi turut meraikan pemulihan ekonomi kita," katanya ketika berucap pada Festival Belia dan Perbarisan Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-42, di sini malam tadi.

Turut hadir, isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yasin dan Setiausaha Parlimen kementerian itu selaku pengerusi penganjur, Datuk Shahrizat Jalil; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamuruzaman Shariff; Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), Datuk A Kadir Jasin dan Pelayar Negara, Datuk Azhar Mansor.

Perdana Menteri juga mewakili kerajaan Barisan Nasional (BN) mengucapkan terima kasih pada seluruh rakyat Malaysia kerana memberi kerjasama untuk mengatasi kegawatan ekonomi.

"Saya ingin mengucap ribuan terima kasih kepada seluruh rakyat kerana tidak mengadakan huru hara atau rusuhan. Di negara lain, bila mereka hadapi kegawatan ekonomi, ramai rakyat yang merusuh dan melakukan huru hara, tetapi di Malaysia tiada apa-apa rusuhan.

"Oleh kerana itu, kita dapat merancang strategi dengan tenang untuk memulih ekonomi negara. Bagi pihak kerajaan, saya meminta kerjasama daripada semua rakyat dan bangsa negara ini supaya terus mengekalkan keharmonian bagi membolehkan kegawatan ekonomi dipulihkan sepenuhnya," katanya.

Beliau turut memuji Kementerian Belia dan Sukan kerana menganjurkan festival ini.

Festival yang bertemakan 'Kejayaan Lalu Inspirasi Alaf Baru' dihadiri lebih 25,000 orang. Festival dua hari itu bermula semalam.

Perdana Menteri berkata, perayaan seumpama ini mampu menyemarakkan semangat generasi muda dan merapatkan hubungan sesama mereka.

Katanya, Bangsar yang terletak di pusat bandar raya Kuala Lumpur, boleh dijadikan pusat kepada generasi muda untuk berinteraksi dengan lebih baik.

"Saya harap generasi muda daripada ketiga-tiga kaum terbesar Malaysia di sini, dapat hidup rukun, aman dan damai tanpa apa-apa masalah dan pada masa yang sama, dapat melihat pembangunan pesat yang berlaku kerana generasi tua seperti saya, tidak menyangka Malaysia boleh mencapai kemajuan seperti ini," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah juga turut menandatangani borang penyertaan kempen Berjalan Untuk Negara sempena usaha Malaysia untuk menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006.

Pesta malam tadi dimulakan dengan semangat lagu `Malaysia Boleh' apabila Dr Mahathir sendiri menuju ke sisi pentas melihat persembahan koir.

Keadaan semakin meriah dengan perarakan yang disertai pelbagai persatuan dan pancaragam termasuk barisan atlit ke Sukan Sea di Brunei baru-baru ini, Persatuan Vespa Wilayah Persekutuan, Persatuan Penduduk-Penduduk Zon Bangsar, peserta perlumbaan basikal Le Tour de Langkawi dan Pasukan Pancaragam Direktorat Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pesta yang berlangsung sehingga larut malam dan dibahagi kepada tiga pentas utama itu turut diserikan dengan persembahan artis tempatan termasuk Jay Jay, Ziana Zain, Ning Baizura, Imad, Rabbani, A to Z dan Innuendo.

Kemuncak festival diserikan dengan persembahan bunga api, laser, cahaya dan audio.

(END)